

## Kebakaran paip gas bawah tanah



Anwar meninjau situasi kejadian kebakaran saluran paip gas bawah tanah di Taman Putra Harmoni, Putra Heights, Subang Jaya, semalam. Turut hadir, Amirudin dan Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay (Foto PMO)

# Pusat, negeri dan PETRONAS pulih kawasan perumahan

**Kerajaan  
pertimbang salur  
bantuan segera  
RM5,000  
serta RM2,500**

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
dan Nor Azizah Mokhtar  
bhnews@bh.com.my

**Subang Jaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata Kerajaan Persekutuan, negeri dan PETRONAS akan mengambil tanggungjawab penuh untuk memulihkan kawasan perumahan yang terjejas akibat kebakaran selepas paip gas meletup dekat Putra Heights di sini semalam.

Perdana Menteri berkata pada masa sama, kerajaan dan PETRONAS mempertimbangkan untuk menyalurkan bantuan segera RM5,000 kepada pemilik kediaman yang rosak teruk serta RM2,500 kepada mereka yang sedikit terjejas.

Katanya, buat masa ini, PETRONAS dengan jentera kerajaan sedang berbincang bagaimana untuk mengambil tindakan segera dan munasabah.

"Keutamaan kita sekarang ialah keselamatan dan setakat ini terkawal, sebab itu saya pilih untuk pergi sendiri ke tempat terabit (lokasi kebakaran)," katanya.

Mengenai punca kebakaran itu, Anwar berkata, pihak berkuasa memerlukan sedikit masa bagi menjalankan siasatan rapi.

"Terima kasih kerana seluruh jentera bertindak cepat dan laporan daripada polis diberi dengan segera dan saya harap (penduduk) jangan bimbang, cuma

mengambil masa sedikit.

"Seperti yang saya tegaskan, tak boleh selesai dalam dua bulan tapi percayalah, saya akan gerak seluruh jentera kerajaan untuk mengambil tindakan yang sesegera mungkin.

"Mengenai tindakan terperinci, tentunya saya minta semua jentera kerajaan termasuk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengadakan perbincangan segera untuk memberikan cadangan dan wakil penduduk diundang untuk berbincang bersama," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas meninjau lokasi insiden kebakaran saluran paip gas PETRONAS di Putra Heights di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

### **Bantu mangsa terkesan**

Mengenai bantuan segera itu, Anwar berkata ia adalah untuk membantu mereka yang terkesan akibat insiden berkenaan.

"Untuk langkah segera dalam satu atau dua hari ini, PETRONAS dan kalau perlu Kerajaan Persekutuan akan lihat keperluan menambah (bantuan), bagi rumah yang rosak sepenuhnya itu diberikan RM5,000 segera.

"Ini supaya mereka dapat belanja sementara dan yang mana (sedikit) terkesan itu, (bantuan) itu RM2,500," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri merakamkan penghargaan kepada semua pihak terabit dalam menyediakan pusat pemindahan sementara serta tempat untuk mangsa berlindung.

"Terima kasih juga kepada jawatankuasa kuil yang memberikan kemudahan, perubahan sementara dan juga masjid yang dijadikan PPS, itu cara kita, bila

ada masalah kita pakat semua dan sebab itu saya kata kena baik dengan semua," katanya.

Sementara itu, Amirudin berkata kebakaran itu menjejaskan kawasan seluas 290 meter persegi dengan keluasan keseluruhan 28 hektar.

Pada sidang media sekitar jam 6.45 petang itu, Amirudin berkata lebih 300 premis mengalami kerosakan, dengan 78 kediaman yang rosak sepenuhnya dan 10 rumah kedai sedang dalam pembinaan mengalami kerosakan serius.

Menurutnya dua lokasi yang terkesan teruk adalah Taman Harmoni di Putra Heights dan Kampung Kuala Sungai Baru, membabitkan dua Dewan Undangan Negeri (DUN), iaitu Serdang dan Kota Kemuning.

"Daripada maklumat rasmi setakat ini, kita dapati 125 mengalami kecederaan dalam insiden ini, dengan 65 sedang menjalani rawatan, manakala 60 lagi sudah dibenarkan pulang.

"Saya juga berterima kasih kerana Perdana Menteri memberi jaminan bahawa kita akan berbincang dengan pihak PETRONAS untuk mencari tapak rumah baharu ataupun kediaman yang boleh diberikan kepada pemilik rumah yang terkesan kerana proses baik pulih dijangka mengambil masa setahun.

"Jadi, kita perlukan sedikit masa untuk menyelesaikan ataupun menangani perkara ini," katanya.

"Seterusnya, isu pertama yang perlu kita tangani adalah soal keselamatan dan kesejahteraan penduduk.

"Justeru, dalam masa terdekat ini, kita belum boleh membenarkan penduduk masuk ke rumah kerana bimbang mungkin berlaku kesan sampingan akibat kebakaran," katanya.